



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN PERSEPSI TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN
KEPUASAN ATLET SUKAN BALAPAN DAN PADANG DI SARAWAK,
MALAYSIA***

JASMINE LING CHIU HUNG

FPP 2017 18



**HUBUNGAN PERSEPSI TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN
KEPUASAN ATLET SUKAN BALAPAN DAN PADANG DI SARAWAK,
MALAYSIA**



Oleh

JASMINE LING CHIU HUNG



**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi
Keperluan untuk Ijazah Master Sains**


Ogos 2017



HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan manapun bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil dariapda pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia




DEDIKASI

Teristimewa untuk keluarga tercinta,

Ling Tieng Chai
Joyce Ling Yit
Ling Teck Yeong
Jinny Ling Yao
Janie Ling Chin
Jerri Ling Chiu Yun
Jameson Ling Teck Hang

Dan juga...

Agnes Sia Ing Tee,
yang sentiasa dalam ingatan...



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**HUBUNGAN PERSEPSI TINGKAH LAKU KEJURULATIHAN DENGAN
KEPUASAN ATLET SUKAN BALAPAN DAN PADANG DI SARAWAK,
MALAYSIA**

Oleh

JASMINE LING CHIU HUNG

Ogos 2017

Pengerusi : Soh Kim Geok, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi atlet terhadap tingkah laku kejurulatihan, di samping mengkaji hubungan persepsi tersebut dengan kepuasan pelajar atlet dalam sukan balapan dan padang di Negeri Sarawak. Populasi kajian ditujukan kepada seramai 668 orang pelajar atlet Majlis Sukan Negeri Sarawak yang berumur 13 hingga 18 tahun. Kajian tinjauan ini telah disiapkan dengan merekrut sejumlah 252 orang pelajar atlet (lelaki n = 126 orang; perempuan n = 126 orang) melalui penggunaan persampelan rawak berstrata mengikut saiz kumpulan sama. Borang soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (LSS) dan Soal Selidik Kepuasan Atlet (ASQ) telah diadaptasikan untuk penggunaan dalam kajian ini. Analisa statistik dilaksanakan ke atas data daripada kesemua 252 orang pelajar atlet dengan aplikasi *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 21.0 di mana nilai $p \leq 0.05$ dianggapkan sebagai statistik yang signifikan. Analisa statistik inferensi Korelasi Pearson dan Ujian-t Tak Bersandar digunakan untuk menguji 6 soalan kajian. Keputusan Korelasi Pearson menggambarkan bahawa terdapat hubungan positif yang sederhana di antara tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada daripada persepsi pelajar atlet dengan kepuasan mereka ($r= 0.300$, $p < 0.05$). Penemuan kajian turut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang berstatistik signifikan antara pelajar atlet lelaki dan perempuan dalam dimensi-dimensi kejurulatihan kecuali dalam dimensi sokongan sosial (lelaki: $M = 3.64$, $SD = 0.71$; perempuan: $M = 3.43$, $SD = 0.71$; $t(250) = 2.229$, $p = 0.027$). Tingkah laku kejurulatihan daripada persepsi pelajar atlet adalah konsisten dan turut menyokong konsep tingkah laku jurulatih di mana berhubung kait dengan kepuasan seseorang atlet, terutamanya di negeri Sarawak.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP PERCEPTION OF COACHING BEHAVIOR WITH
ATHLETE SATISFACTION AMONG ATHLETE TRACK AND FIELD IN
SARAWAK, MALAYSIA**

By

JASMINE LING CHIU HUNG

August 2017

Chairman : Soh Kim Geok, PhD
Faculty : Educational Studies

This study aimed to identify athletes' perception of coaching behaviour as well as the relationship between their perception and satisfaction in the track and field sports in Sarawak. The study population was extended to 668 student athletes aged 13 to 18 from the Sarawak State Sports Council. A total of 252 student athletes (male n = 126; female n = 126) were successfully recruited through the stratified random sampling of groups of the same size in this survey research. The Leadership Scale for Sports (LSS) questionnaires and Athlete Satisfaction Questionnaires (ASQ) were adapted for use of Back Translation Method in this study. Statistical analysis is carried out on data from all 252 student athletes using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 21.0 where p value $\leq .05$ is considered statistically significant. Analysis statistical inference Pearson correlation and t-test independent were used to determine research questions. The result of the Pearson Correlation illustrates that there is a moderate positive correlation between student athletes' perception regarding the existing coaching behaviour and their satisfaction ($r = 0.300$, $p < 0.05$). The findings also show that there are no statistically significant differences between male and female student athletes in the dimensions of coaching behaviour, except in the dimension of social support (male: $M = 3.64$, $SD = 0.71$; female: $M = 3.43$, $SD = 0.71$; $t(250) = 2.229$, $p = 0.027$). The student athletes' perception regarding coaching behaviour is consistent and coherent with the concept of coach behaviour that relates to the satisfaction of an athlete, especially in Sarawak.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dengan kurnia dan rahmatNya saya dapat melepas suatu proses ilmiah yang penuh cabaran dan dugaan yang menuntut kematangan emosi, dan seterusnya dapat menyiapkan tesis ini dengan jayanya.

Setinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Profesor Madya Dr. Soh Kim Geok selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi bagi menyempurnakan tesis ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Othman Talib selaku Ahli Jasawatankuasa Penyeliaan yang juga banyak memberi tunjuk ajar dan dorongan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang menaja pengajian ini melalui Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa, Pengetua, Guru Penolong Kanan, jurulatih-jurulatih dan atlet-atlet yang membantu dalam proses penyelidikan ini dan rakan-rakan seperjuangan di UPM yang sentiasa berkongsi ilmu dan membantu semasa pengumpulan data.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ahli keluarga yang sentiasa mendorong saya dan mendoakan kejayaan ini. Sokongan dan semangat kalian menjadi sumber motivasi atas kejayaan ini. Terima kasih saya ucapkan kerana menjadi tunggak kekuatan saya.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Jasa kalian tetap dikenang dan hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa dan sumbangan yang kalian berikan. Sekian, terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Jasmine Ling Chiu Hung bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Hubungan Persepsi Tingkah Laku Kejurulatihan dengan Kepuasan Atlet Sukan Balapan dan Padang di Sarawak, Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Borhannudin bin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Hairul Anuar Hashim, PhD

Profesor Madya
Universiti Sains Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 28 September 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Soh Kim Geok, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Othman Talib, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 – 2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah dimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Jasmine Ling Chiu Hung, GS37042

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 – 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Penyeliaan: Prof Madya Dr. Soh Kim Geok

Tandatangan: _____
Nama Ahli Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Othman Talib

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyata Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.3.1 Objektif umum	5
1.3.2 Objektif khusus	5
1.4 Soalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Limitasi Kajian	7
1.7 Delimitasi Kajian	8
1.8 Definisi Operasi	9
2 TINJAUAN LITERATUR	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Model Multidimensi Kepimpinan: Skala Kepimpinan untuk Sukan (<i>LSS</i>)	11
2.3 Model Kejurulatihan: Skala Tingkah Laku Kejurulatihan Sukan	13
2.4 Model Klasifikasi Aspek Kepuasan Atlet: Soal Selidik Kepuasan Atlet (<i>ASQ</i>)	14
2.5 Kajian-kajian Lampau	17
2.6 Rumusan Kajian-kajian Berkaitan	25
2.7 Kerangka Konseptual Kajian	26
2.8 Rumusan	27
3 METODOLOGI KAJIAN	28
3.1 Pengenalan	28
3.2 Reka Bentuk Kajian	28
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	29
3.4 Penentuan Saiz Sampel	30
3.5 Kaedah Persampelan	31
3.6 Instrumen Kajian	33
3.6.1 Bahagian A: Demografi	34
3.6.2 Bahagian B: Soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (<i>LSS</i>)	34

3.6.3	Bahagian C: Soal selidik Kepuasan Atlet (ASQ)	37
3.6.4	Kesahan dan Kebolehpercayaan	40
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	42
3.8	Kajian Rintis	43
3.9	Proses Penganalisisan Data	45
3.10	Rumusan	47
4	DAPATAN KAJIAN	48
4.1	Pengenalan	48
4.2	Analisis Penerokaan Data	48
4.3	Ujian Normaliti	48
4.4	Analisis Data Demografi	49
4.5	Persepsi Pelajar Atlet Sukan Balapan Dan Padang Terhadap Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Yang Diingini	52
4.6	Persepsi Pelajar Atlet Sukan Balapan Dan Padang Terhadap Tingkah Laku Kejurulatihan Jurulatih Yang Sedia Ada	53
4.7	Dimensi Kepuasan Pelajar Atlet Sarawak Sukan Balapan Dan Padang	54
4.8	Perbezaan Tingkah Laku Kejurulatihan Sukan Balapan Dan Padang Yang Diingini Berdasarkan Jantina	56
4.9	Perbezaan Tingkah Laku Kejurulatihan Sukan Balapan Dan Padang Yang Sedia Ada Berdasarkan Jantina	57
4.10	Hubungan Tingkah Laku Kejurulatihan Yang Sedia Ada Dengan Kepuasan Atlet	58
4.11	Rumusan	60
5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Perbincangan	61
5.2.1	Tingkah laku jurulatih yang diingini oleh atlet	61
5.2.2	Persepsi atlet terhadap tingkah laku jurulatih yang sedia ada	62
5.2.3	Dimensi kepuasan atlet	63
5.2.4	Perbezaan tingkah laku yang diingini berdasarkan jantina	65
5.2.5	Perbezaan tingkah laku yang sedia ada berdasarkan jantina	66
5.2.6	Hubungan antara tingkah laku jurulatih yang sedia ada dengan kepuasan atlet	67
5.3	Kesimpulan	68
5.4	Implikasi	69
5.4.1	Implikasi Teori	69
5.4.2	Implikasi Praktikal	70
5.5	Cadangan	70

**RUJUKAN
LAMPIRAN
BIODATA PELAJAR
PENERBITAN**

72
80
90
91



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
2.1 Klasifikasi Aspek Kepuasan Atlet Berdasarkan Hasilan dan Proses	16
3.1 Senarai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan bilangan atlet	30
3.2 Jadual Analisis Item	34
3.3 Skala <i>Likert</i> soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (LSS)	35
3.4 Lima dimensi Soal Selidik Kepimpinan untuk Sukan (LSS)	36
3.5 Pembahagian item LSS berdasarkan dimensi-dimensi	36
3.6 Kebolehpercayaan dimensi soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (LSS) atlet luar negara	37
3.7 Pembahagian item ASQ berdasarkan dimensi	38
3.8 Penerangan 15 dimensi soal selidik Kepuasan Atlet (ASQ)	39
3.9 Kebolehpercayaan dimensi soal selidik Kepuasan Atlet (ASQ)	40
3.10 Nilai <i>Cronbach Alpha</i> yang diperoleh melalui kajian rintis semua dimensi LSS dan ASQ	44
3.11 Senarai pemilihan ujian statistik berdasarkan skala pengukuran soalan kajian	46
3.12 Kekuatan Korelasi J. Cohen (1988)	47
4.1 Nilai <i>Skewness and kurtosis</i> bagi pembolehubah kajian	49
4.2 Taburan jantina dan kategori umur (N=252)	50

4.3	Taburan bangsa (N=252)	50
4.4	Taburan tahun atlet terlibat sebagai atlet balapan dan padang (N=252)	50
4.5	Taburan acara (N=252)	51
4.6	Taburan tahun responden mengikut jurulatihnya (N=252)	51
4.7	Taburan tahap tertinggi atlet pernah bermain (N=252)	52
4.8	Taburan bilangan atlet di bawah jurulatih berdasarkan jantina (N=252)	52
4.9	Min tingkah laku kejurulatihan sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet Sarawak	53
4.10	Min persepsi pelajar atlet terhadap tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada	54
4.11	Min kepuasan pelajar atlet	55
4.12	Perbezaan tingkah laku kejurulatihan yang diingini mengikut jantina	56
4.13	Perbezaan tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada mengikut jantina	57
4.14	Kolerasi tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada dengan kepuasan atlet berdasarkan dimensi	59
4.15	Kolerasi tingkah laku kejurulatihan yang sedia ada dengan kepuasan atlet	60

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Model Multidimensi Kepimpinan	12
2.2 Model Klasifikasi Aspek Kepuasan Atlet	17
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	27
3.1 Persampelan Rawak Berstrata Mengikut Saiz Kumpulan Sama (<i>Equal-size groups in stratified sampling</i>)	32

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Halaman
1 Kebenaran Penulis Asal Soal Selidik LSS	80
2 Kebenaran Penulis Asal Soal Selidik ASQ	81
3 Biodata Penterjemah dan Pengesah Soal Selidik	82
4 Soal Selidik Kajian	83
5 Kelulusan Etika dari JKEUPM	87
6 Kebenaran EPRD	88
7 Kebenaran JPN Sarawak	89

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kini, Malaysia semakin memberi perhatian dan menitikberatkan bidang sukan. Sukan bukan sahaja dapat menyihatkan tubuh badan tetapi juga mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui penyertaan Malaysia dalam sukan antarabangsa dan juga pencapaian atlet yang mengagumkan seperti Datuk Lee Chong Wei, Datuk Nicol Ann David, Pandalela Rinong dan sebagainya. Kenyataan tersebut juga disokong oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin semasa Sukan SEA 2015 di Singapura. Beliau telah menegaskan kepentingan program dan kejurulatihan ke arah kemenangan sesuatu sukan (Borneo Post Online, 2015a).

Dalam program pembangunan dan kejurulatihan sukan, hubungan rapat antara jurulatih dan atlet memainkan peranan mustahak. Hal ini demikian kerana interaksi yang berlaku antara jurulatih dan atlet dapat mempengaruhi kehidupan dunia sukan seseorang atlet (Keegan, Harwood, Spray, & Lavallee, 2014). Cara interaksi antara jurulatih dan atlet boleh memberi kesan atau impak yang mendalam atas keberkesanan dan kejayaan sesi-sesi pembangunan dan kejurulatihan sukan serta sekali gus mempengaruhi hasilnya seperti kepuasan dan prestasi (Chelladurai, 1993).

Dalam bidang sukan, seseorang jurulatih sukan memainkan peranan dan tanggungjawab yang berbagai-bagai dalam usaha mengendalikan pasukan permainannya. Jurulatih merupakan pemimpin yang menjalankan tugas-tugasnya berdasarkan fungsi-fungsi peranan tertentu. Tugas utama jurulatih adalah untuk merangsang atlet supaya mengembangkan bakat dan kebolehannya dengan memberi kesan kepada prestasi. Jurulatih dipertanggungjawabkan untuk mendidik dan memperkembangkan potensi seseorang atlet ke peringkat yang lebih cemerlang (Jowett & Poczwarski, 2007).

Jurulatih yang baik, berwibawa dan berkualiti adalah mustahak untuk melahirkan seseorang atlet yang cemerlang dalam acara masing-masing. Jurulatih mempunyai pengaruh yang kuat terhadap seseorang atlet, sama ada dari segi suasana latihan, sikap mahupun emosi atlet-atletnya untuk mencapai kemajuan prestasi (Ahmad, 2007). Perancangan dan pelaksanaan latihan seseorang jurulatih boleh memenuhi kepuasan atlet dan meningkatkan prestasi atlet dalam acara sukan yang terlibat. Komunikasi antara jurulatih dengan atlet adalah kriteria yang amat penting sekali untuk

menentukan kepuasan atlet. Keadaaan ini adalah sama dengan pandangan Feltz, Chase, Moritz & Sullivan (1999) yang telah mengemukakan Model Kecekapan Kejurulatihan (*The Coaching Efficacy Model*). Dalam Model Kecekapan Kejurulatihan, Feltz et al. (1999) mengatakan bahawa tingkah laku seseorang jurulatih mempunyai banyak kesan langsung ke atas atlet yang di bawah jagaannya. Model Kecekapan Kejurulatihan juga menjelaskan bahawa jurulatih mempunyai keupayaan mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian atlet melalui empat dimensi, iaitu motivasi, strategi, teknik dan perwatakan. Model tersebut juga menekankan kecekapan kejurulatihan mempunyai hubungan dengan kecekapan pasukan, kepuasan atlet dengan jurulatih dan pencapaian pasukan.

Selain itu, Chelladurai dan Saleh (1978) telah memperkenalkan Model Multidimensi Kepimpinan yang menggambarkan tingkah laku jurulatih dalam sesuatu sukan dan hubungannya dengan prestasi serta kepuasan atlet. Menurut beliau, terdapat lima faktor yang menentukan tingkah laku jurulatih, iaitu latihan dan arahan, tingkah laku demokratik, tingkah laku autokratik, sokongan sosial dan maklum balas positif. Tingkah laku jurulatih mempunyai hubungan yang berkait rapat dengan kepuasan, penyertaan, motivasi, keseronokan, kebimbangan, emosi, dan perpaduan antara atlet (Chelladurai & Riemer, 1997; Chelladurai & Saleh, 1978).

Dengan ini wujudlah persoalan tentang apakah jenis tingkah laku kepimpinan dan kejurulatihan yang lebih disukai dan diinginkan oleh atlet daripada jurulatih mereka? Adakah ciri jantina mempengaruhi tingkah laku yang diingini oleh atlet? Kekurangan jawapan kepada soalan berkenaan telah mengakibatkan kerumitan wujud dalam fakta yang cuba menjawab soalan berkenaan (Chelladurai, 1984b, 2007).

Tingkah laku kepimpinan dan kejurulatihan dipengaruhi oleh ciri-ciri jurulatih (seperti personaliti, pengalaman, sikap), ciri-ciri situasi (seperti sukan individu atau berpasukan, kejayaan dan kegagalan), dan ciri-ciri ahli sukan (seperti jantina, pencapaian dan tahap kemahiran atlet) (Beam, Serwatka, & Wilson, 2010; Chelladurai, 1993; Loughead & Hardy, 2005; Sullah, Tan, & Ismail, 2014). Chelladurai dan Saleh (1978) telah mencadangkan bahawa terdapat tiga bentuk tingkah laku kepimpinan yang berbeza dimensi. Di antaranya adalah tingkah laku pemimpin yang sebenar, tingkah laku pemimpin yang diperlukan dan tingkah laku pemimpin yang disukai oleh pelajar atlet. Dengan ini, beliau telah mencadangkan suatu Model Multidimensi yang berasaskan kesesuaian di antara tingkah laku sebenar dan diperlukan dengan tingkah laku pemimpin yang diingini oleh pelajar atlet.

Berdasarkan Chelladurai (1984b, 2007), atlet dan kepimpinan jurulatih telah menunjukkan bahawa kepimpinan yang berkesan dan mencapai prestasi yang cemerlang adalah bergantung kepada kesesuaian antara maklum balas

yang sedia ada dan maklum balas yang diingini dalam sukan. Ramalan maklum balas pilihan dan keinginan mempunyai persamaan yang langsung dan tidak langsung bersepada dengan hasil motivasi iaitu maklum balas pilihan dan keinginan kejurulatihan positif akan mempunyai persepaduan yang positif dengan situasi sukan yang terlibat. Manakala, maklum balas pilihan dan keinginan kejurulatihan yang negatif pula mempunyai persepaduan negatif dengan situasi sukan yang terlibat (Moen, Giske, & Hoigaard, 2015).

Banyak kajian yang mengkaji pelajar atlet telah menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam tingkah laku yang diingini berdasarkan pemboleh ubah seperti jantina dan jenis sukan pelajar atlet yang terlibat. Menurut dapatan kajian lepas, atlet lelaki lebih suka jurulatih yang lebih autokratik dan lebih sokongan daripada atlet perempuan (Lorimer & Jowett, 2010). Namun, dapatan ini cuma menyumbang kepada pemahaman atas kepimpinan sukan bagi sukan berpasukan dan permainan lain tetapi tidak memberi jawapan muktamad kepada sukan individu seperti sukan olahraga (Beam et al., 2010; Chelladurai & Carron, 1983).

Begitu juga, kadangkala terdapat juga amalan kejurulatihan sukan yang diamalkan oleh jurulatih-jurulatih di sekolah yang menimbulkan emosi yang tidak puas hati dalam kalangan atlet. Atlet yang mempunyai kepuasan yang tinggi akan mempunyai sikap positif terhadap sukan yang terlibat. Sebaliknya atlet yang tidak berpuas hati terhadap sukan atau sesi latihan yang terlibat akan menunjukkan sikap negatif lalu pencapaian yang kurang cemerlang dalam sukan yang terlibat (Chelladurai, 2008). Dengan ini, tingkah laku kejurulatihan di peringkat sekolah menjadi suatu tanda tanya dan persoalan, sejauh manakah gaya tingkah laku seseorang jurulatih boleh menjurus kepada kepuasan seseorang atlet lalu meningkatkan pencapaian mereka?

1.2 Penyata Masalah

Kini, kerajaan Malaysia semakin memandang penting pada sukan belia. Namun, perkara yang telah berlaku dalam alam sukan belia sekarang ialah jurulatih sering membentuk atlet dan pasukannya dengan bergantung pada pengalaman mereka pada masa lalu. Isu ini telah dikemukakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin. Menurut beliau, jurulatih era baru memerlukan maklumat yang lebih berstruktur dan saintifik untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atletnya, namun, apa yang berlaku di Malaysia ialah di mana sesetengah jurulatih Malaysia masih tidak dapat menyesuaikan diri dengan pendekatan era baru yang diperkenalkan. Menurut beliau juga, jurulatih Malaysia tidak dapat meninggalkan zon selesa mereka supaya bersedia untuk bekerjasama antara satu sama lain, berkongsi pengetahuan dan pengalaman, terbuka kepada pembaharuan dan

berinteraksi dengan lebih baik dengan atlet maupun ibu bapa atlet (Borneo Post Online, 2015b).

Melalui pernyataan YB Khairy (2015), nampaknya jurulatih Malaysia kurang memahami keperluan dan kehendak atletnya. Mereka juga kurang sedar akan perkara yang telah dinyatakan oleh Reinboth dan Duda (2006); Riemer dan Chelladurai (1998) di mana atlet yang berpuas hati akan mengalami kurang masalah dan ini membantu mereka meningkatkan prestasi. Dengan ini, kepuasan atlet haruslah diintegrasikan sebagai sebahagian daripada penilaian program kejurulatihan sukan (Chelladurai, 2008).

Dalam sesuatu sukan, jurulatih memainkan peranan yang sangat aktif dan penting di dalam setiap latihan begitu juga pertandingan. Jurulatih dapat mempengaruhi atletnya dari segi pencapaian, tingkah laku, psikologi, dan emosi (Horn, 2002). Menurut Maghsoudi (2009), jenis tingkah laku dan etika seseorang jurulatih boleh mempengaruhi kepuasan atletnya. Namun, berdasarkan kajian-kajian lampau, didapati bahawa tingkah laku jurulatih di Malaysia adalah kurang dikaji (Institut Sukan Negara, 2014; Soh, Wazir, & Chee, 2014) dan hal ini turut memberikan satu maklumat bahawa tingkah laku jurulatih sering kurang diambil kira sebagai satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam program kejurulatihan.

Ketidakselarasan dalam kualiti permainan semasa pertandingan sukan balapan dan padang telah menimbulkan banyak kesangsian, terutamanya dari segi kualiti atlet olahraga di Malaysia. Situasi ini mungkin disebabkan oleh pelbagai gaya dan tingkah laku kejurulatihan yang diaplikasikan oleh jurulatih pada atlet mereka sendiri. Ramai pengkaji telah mengendalikan pelbagai kajian yang berkaitan dengan motivasi, latihan serta arahan dan pencapaian (Kaynak, Canb, Kirandic, & Boz, 2014; Martin, Dale, & Jackson, 2001; Samah, Adekalu, Omar, & Ismail, 2013; Samah, Omar, & Osman, 2015; Shokri, Viladrich, Cruz, & Alcaraz, 2014).

Namun, pada ketika menulis ilmiah ini, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kajian telah melibatkan populasi dan budaya negara masing-masing dan fenomena ini adalah kurang sesuai diaplikasikan di Malaysia yang terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum ini. Fenomena ini dapat dijelaskan di mana gaya kepimpinan sukan mungkin adalah lebih kurang sama dalam kebanyakan sukan tetapi kesan gaya kepimpinan terhadap latar belakang subjek yang berlainan mungkin berbeza kerana subjek yang berbeza mempunyai personaliti yang berlainan. Sebagai contoh, atlet dari negara kebudayaan kolektivis seperti negara China dan Greece melihat tingkah laku kejurulatihan dengan lebih berserah dan menurut perintah di mana menggambarkan norma, peranan, peraturan dan kepercayaan masyarakat, manakala atlet dari negara kebudayaan individualis seperti Britain dan Sweden mempunyai persepsi interaksi yang mungkin kurang

berserah dan menurut perintah yang mencerminkan norma, peranan, peraturan dan kepercayaan masyarakat mereka (Yang & Jowett, 2013). Situasi ini memuaskan pernyataan Jowett, Shanmugam dan Caccoulis (2012) yang menjelaskan bahawa keberkesanan kolektif dalam sukan mempunyai hubungan dengan ciri-ciri interpersonal persekitaran. Menurut Jowett dan rakan-rakannya (2012), keberkesanan kolektif sukan mempunyai keupayaan untuk menerangkan hubungan jurulatih-atlet dan kepuasan atlet.

Beginu juga, kebanyakan kajian telah memberi tumpuan kepada persepsi jurulatih tentang kesan tingkah laku mereka terhadap atletnya (Haslam & Smith, 1997; Jowett & Nezlek, 2011; Kidane, Reddy, & Babu, 2013; Lorimer & Jowett, 2009; Moen et al., 2015; Myers, Tonsing, & Feltz, 2005). Berdasarkan kajian-kajian berkenaan, nampak jelasnya kurang terdapat kajian yang mengkaji tingkah laku jurulatih dari persepsi atlet.

Berdasarkan masalah-masalah dalam kajian yang lepas, maka, timbulah satu persoalan tentang perkaitan antara hubungan tingkah laku kejurulatihan dengan kepuasan atlet belia khususnya pelajar atlet yang di bawah Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri (MSSN). Kajian untuk pelajar atlet di bawah MSSN adalah penting kerana selain sekolah sukan, mereka juga merupakan salah satu pelapis kepada Skuad Kebangsaan yang berpotensi. Sehubungan dengan itu, satu kajian yang secara mendalam perlu dilaksanakan untuk mendapat maklum balas atlet mengenai tingkah laku kejurulatihan dengan kepuasan atlet. Kajian ini amat penting diperlukan untuk mengatasi masalah yang wujud dalam kalangan kejurulatihan. Tambahan pula, kajian ini juga bermatlamat untuk menjalankan kajian untuk melihat hubungan tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang dengan kepuasan atlet.

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mencapai objektif-objektif mengikut keutamaannya. Berikut adalah objektif umum yang berkenaan dengan kajian ini, iaitu untuk:

1. Mengenal pasti tingkah laku jurulatih dan dimensi kepuasan atlet sukan balapan dan padang daripada persepsi atlet di negeri Sarawak.
2. Mengenal pasti hubungan tingkah laku jurulatih dengan kepuasan atlet di negeri Sarawak.

Berikut adalah objektif khusus yang spesifik dan lanjut daripada objektif umum kajian ini, iaitu untuk:

1. Mengenal pasti tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet mengikut jantina di negeri Sarawak.

2. Mengenal pasti tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang sedia ada daripada persepsi atlet mengikut jantina di negeri Sarawak.
3. Mengenal pasti dimensi kepuasan atlet sukan balapan dan padang yang berpuas hati mengikut jantina di negeri Sarawak.
4. Membandingkan tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet mengikut jantina di negeri Sarawak.
5. Membandingkan tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang sedia ada daripada persepsi atlet mengikut jantina di negeri Sarawak.
6. Menganalisis hubungan tingkah laku jurulatih yang sedia ada daripada persepsi atlet dengan kepuasan atlet dalam sukan balapan dan padang di negeri Sarawak.

1.4 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif khusus, beberapa soalan kajian telah ditentukan oleh penyelidik, iaitu:

1. Apakah tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diingini oleh atlet mengikut jantina di negeri Sarawak?
2. Apakah tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang sedia ada daripada persepsi atlet mengikut jantina di negeri Sarawak?
3. Apakah dimensi kepuasan atlet sukan balapan dan padang yang berpuas hati mengikut jantina di negeri Sarawak?
4. Apakah perbezaan yang signifikan antara pelajar atlet lelaki dan pelajar atlet perempuan terhadap tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang diingini?
5. Apakah perbezaan yang signifikan antara pelajar atlet lelaki dan pelajar atlet perempuan terhadap tingkah laku jurulatih sukan balapan dan padang yang sedia ada?
6. Apakah hubungan tingkah laku jurulatih yang sedia ada daripada persepsi atlet dengan kepuasan atlet dalam sukan balapan dan padang di negeri Sarawak?

1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting kerana sehingga ini tidak banyak kajian yang dijalankan memfokuskan hubungan antara atlet dengan jurulatih, terutamanya tingkah laku kejurulatihan dengan kepuasan atlet. Dalam kontek kajian ini, persepsi pelajar atlet terhadap tingkah laku kejurulatihan jurulatih diukur dengan menggunakan soal selidik Skala Kepimpinan untuk Sukan (LSS). Manakala, kepuasan atlet diukur dengan menggunakan soal selidik Kepuasan Atlet (ASQ). Kedua-dua instrumen ini adalah instrumen yang dibentukkan dan digunakan oleh ramai penyelidik di seluruh dunia

(Cruz & Kim, 2017; Lajim & Mohamed, 2017; Mohades, Ramzaninezhad, Khabiri, & Kazemnezhad, 2015; Pilus & Saadan, 2009; Rengasamy, Wee, & Ali, 2013; Trendafilova, Hardin, & Kim, 2010). Berlandaskan Model Multidimensi Kepimpinan dan Model Klasifikasi Aspek Kepuasan Atlet, kajian ini akan membolehkan penyelidik menentukan tahap hubungan serta mengenalpasti kekuatan hubungan tingkah laku kejurulatihan jurulatih dengan kepuasan atlet sukan balapan dan padang di negeri Sarawak secara lebih mendalam. Ini adalah penting kerana tingkah laku kejurulatihan merupakan pemangkin kepada hubungan yang baik di antara jurulatih dan atlet. Hubungan yang baik ini didapati dapat memberi kesan dalam meningkatkan kepuasan atlet dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan prestasi mereka (Riemer & Chelladurai, 1998).

Penyelidikan ini juga penting kerana daptan penyelidikan ini bukan sahaja dapat mengembangkan ilmu pengetahuan dalam sukan, tetapi menyediakan hujah yang munasabah untuk menentukan kepentingan tingkah laku jurulatih terhadap sukan balapan dan padang di negeri Sarawak. Dengan ini, kajian yang dijalankan ini dapat meningkatkan khazanah ilmu untuk dijalankan sebagai suatu panduan ilmiah kepada jurulatih Sarawak tentang kepentingan tingkah laku kejurulatihan terhadap kepuasan atletnya.

Hasil penyelidikan ini juga diharap boleh dijadikan sebagai garis panduan oleh jurulatih sukan balapan dan padang dalam usaha mengenal pasti tingkah laku yang dapat digunakan dalam sesi kejurulatihannya. Keprihatinan jurulatih terhadap keperluan dan masalah yang dihadapi oleh atlet dapat menarik minat atlet lalu secara tidak langsung meningkatkan pencapaian atlet dalam acaranya. Dengan adanya penyelidikan ini, diharapkan dapat membantu pihak berkaitan seperti Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak ataupun pihak sekolah agar mengambil kira tingkah laku kejurulatihan sebagai alternatif kepada strategi kejurulatihan yang sedia ada supaya meningkatkan prestasi dan melahirkan atlet bertaraf antarabangsa.

1.6 Limitasi Kajian

